

# Adi sasar gapai emas hatrik lontar peluru

**Kuala Lumpur:** Atlit lontar peluru negara, Adi Alifuddin Husin kini mempergiat latihan untuk memenangi pingat emas ketiga berturut-turut pada Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia ke-88 yang akan berlangsung di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), Ahad ini selepas memenanginya pada dua edisi lalu.

Adi Alifuddin, 24, berkata beliau menjangkakan Thailand menjadi pencabar terkuatnya memandangkan pemegang rekod Sukan SEA adalah peserta dari negara itu.

Penuntut jurusan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu kini giat berlatih di bawah kendalian jurulatih lontar peluru negara, Nazar Abdul Rahim di MSN.

Katanya, dia juga akan memberi tumpuan untuk sekali lagi merebut pingat emas di Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) yang akan diadakan di Laos pada Disember.

"Insya-Allah, saya berharap untuk mkekalkan pingat emas yang saya menangi pada edisi lalu di Thailand," katanya yang memegang rekod kebangsaan dengan jarak 17.53 meter yang diciptanya pada Sukan SEA 2011 di Indonesia.

**BERNAMA**